



جَانَتْ خَالَ الْعَوَالِمِ إِكَامًا لِاسْتِغْنَابِهِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

20 RAMADAN 1443 H / 22 APRIL 2022M

RAMADAN KESEMPATAN TINGKATKAN IBADAH, KURANGI JUADAH

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 11. 4. 2022

PEGAWAI PENYEMAK : M. ZARATKHAN

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 18/04/2022

DIBACA PADA : 22/04/2022

DILULUSKAN OLEH : HAJI HARUDIN HJ. ALWI

Ketua Penolong Pegawai
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA

RAMADAN KESEMPATAN TINGKAT IBADAH, KURANGI JUADAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Di kesempatan berada pada hari Jumaat di bulan Ramadan yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketahuilah, kehidupan di dunia ini hanya sementara semata-mata dan akhirat jualah yang kekal abadi. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“RAMADAN KESEMPATAN TINGKAT IBADAH, KURANGI JUADAH”**.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DINAUNGI RAHMAT ILAHI,

Sesungguhnya orang yang bertaqwa, ditempatkan di dalam taman-taman syurga yang indah dan dekat beberapa sungai di tempat yang sungguh bahagia di sisi Tuhan yang menguasai segala-galanya. Oleh itu, selagi hayat dikandung badan, marilah kita gunakan setiap kesempatan yang ada untuk mengerjakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya agar kita berhasil menjadi orang yang bertaqwa. Firman Allah SWT dalam Surah Az-zariyaat ayat 56:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

SAUDARA MUSLIMIN SEKALIAN,

Bulan Ramadan yang hadir setiap tahun menggamit setiap individu Muslim yang sudah baligh untuk melaksanakan ibadah puasa bagi membentuk personaliti yang bertaqwa. Bulan Ramadan yang hadir juga memberi peluang keemasan kepada setiap Muslim untuk meningkatkan ibadah dari segi kuantiti dan kualiti kerana setiap amalan yang baik akan diganjar pahala berlipat ganda oleh Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW:

maksudnya “Setiap amalan anak Adam digandakan, satu kebajikan dengan sepuluh kali ganda hingga sampai 700 kali ganda, hingga mengikut kehendak Allah.” (Hadis riwayat Ahmad, al-Bukhari, an-Nasa’ie dan Ibn Majah daripada Abu Hurairah)

Oleh itu, sebagai umat Islam, kita seharusnya bersyukur dan bergembira atas kesempatan bersua sekali lagi dengan bulan Ramadan al-mubarak. Pintu rahmat dan kurnia Allah yang terbuka luas di bulan yang mulia ini harus kita rebut untuk meningkatkan amal ibadat. Dalam erti kata yang lain, di samping berpuasa pada siang hari, kita juga hendaklah mengimarahkan lagi bulan ini dengan perkara-perkara yang sangat dianjurkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.

PARA JEMAAH TETAMU ALLAH YANG MULIA,

Di antara amal ibadat yang lazim dikerjakan oleh umat Islam pada bulan Ramadan ialah solat sunat Tarawih dan majlis tadarus al-Quran di samping beriktikaf di masjid, berqiamullail, berzikir, berselawat dan beristigfar. Solat sunat Tarawih dan majlis tadarus diadakan di setiap masjid dan surau, yang dengannya menjadikan Ramadan lebih meriah berbanding bulan-bulan yang lain. Pelaksanaan ibadah ini menyerikan lagi suasana bulan yang suci ini sekali gus menjadi wasilah bagi umat Islam memperolehi ganjaran pahala yang berlipat ganda dan maghfirah dari Allah SWT. Selain solat tarawih, tadarus al-Quran dan qiamullail, kita juga sangat dianjurkan supaya memperbanyakkan sedekah di bulan penuh rahmat dan berkat ini. Dalam hubungan ini, imam al-Tarmizi meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah

ditanya:

“Sedekah apakah yang paling utama?”

Baginda menjawab, “Seutama-utamanya sedekah adalah di bulan Ramadan.”

Berdasarkan kepada hadis Baginda SAW ini, adalah jelas bahawa masa yang terbaik untuk bersedekah ialah pada bulan Ramadan. Maka, umat Islam diharapkan agar lebih pemurah di bulan ini dengan menyantuni golongan yang kurang bernasib baik seperti orang fakir, miskin, anak-anak yatim dan lain-lain lagi. Bersedekah di sini bukan setakat bentuk wang, malahan memberi juadah berbuka dan bersahur kepada fakir miskin, anak-anak yatim serta orang yang berpuasa.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Rasulullah SAW ada mengingatkan kita bahawa kebanyakan penyakit berpunca daripada perut. Ia adalah akibat daripada pengambilan makanan dan minuman secara berlebihan atau makan minum yang haram sama ada zatnya mahupun sumbernya. Oleh itu, perbuatan menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara yang membatalkan ibadah puasa mulai terbit fajar hingga terbenam matahari di bulan Ramadan merupakan suatu bentuk terapi kesihatan khususnya terhadap sistem pencernaan dalam perut kita seperti usus kecil, usus besar dan sebagainya. Pada masa yang sama, amalan berpuasa juga merupakan suatu proses melatih diri supaya berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran melalui kaedah berpada-pada atau mengurangi juadah sewaktu bersahur dan berbuka. Ini selaras dengan anjuran Allah SWT dan Rasul-Nya supaya kita bersederhana dan tidak melampau-lampau dalam soal makan, minum serta berpakaian. Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 31:

﴿يَبْنَىِٔ ءَادَمَ خُدُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ

الْمُسْرِفِيْنَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan janganlah kamu melampau-lampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang yang melampaui batas.”

SAUDARA MUSLIMIN SEKALIAN,

Ramadan al-Mubarak tidak hanya berfungsi sebagai bulan menahan lapar dan dahaga semata-mata. Ramadan adalah madrasah intensif seorang hamba menjalani ibadah puasa di samping menghidupkan amalan-amalan wajib dan sunat pada setiap pagi dan malamnya dengan iringan doa berterusan mengharapkan reda, pahala dan pengampunan dari Allah SWT agar menjadi Mukmin yang bertaqwa serta kembali fitrah pada penghujung Ramadan. Maka, marilah kita jadikan Ramadan tahun ini lebih baik dan bermakna daripada Ramadan-ramadan yang telah lalu dengan terus istiqamah meningkatkan ibadah dan menghindari perbuatan sia-sia. Mudah-mudahan kita berhasil memperoleh makam atau tingkat takwa. Firman Allah SWT dalam Surah An'aam ayat 160:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا ۖ وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Maksudnya: "Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun)."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ

مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كباوه دولي یغ مها مولیا سري قدوک بکیندا یغ دفرتوان آخو غ وَفَحَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَان یغ تراوتام یغ دفرتوا نکري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai *Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur* (طَيِّبَةُ وَرَبُّ غَفُورٌ)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, berpuasa di bulan Ramadan, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩١﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.